
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HBT 100 – Pengenalan Teori dan Praktik Terjemahan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian.
2. Jawab **EMPAT** soalan sahaja.
3. Jawab **Soalan No. 1** dalam **Bahagian A** yang diwajibkan dan mana-mana **TIGA** soalan lain daripada **Bahagian B**.

Bahagian A

1. Dengan merujuk kepada pengalaman Munshi Abdullah dan hubungan beliau dengan Thomsen (Abdullah, 1849[1997]), bincangkan dan kaitkan dengan zaman sekarang:

- [i] tanggungjawab seorang penterjemah
- [ii] ciri-ciri seorang penterjemah
- [iii] pengetahuan yang sepatutnya ada pada seseorang penterjemah
- [iv] persamaan dan perbezaan kerjaya penterjemahan
- [v] rangkaian dan perhubungan

[25 markah]

Bahagian B

2. Jawab [a] DAN [b].

- [a] Dengan merujuk kepada konsep-konsep **polisem**, **homograf**, **homofon** dan **sinonim**, bincangkan kaitan perkataan-perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat yang disenaraikan di bawah. Anda boleh juga menggunakan ayat anda sendiri sebagai perbandingan.

- [i] My father is interesting himself in bonsai in his retirement.
- [ii] It is an interesting talk.
- [iii] Anyone interested in joining the club should contact us at the address below.
- [iv] As an interested party, I was not allowed to vote.
- [v] What's the right time?
- [vi] Have you got the right money?
- [vii] He is not quite right in the head.
- [viii] I am sure he will be as right as rain once he has had his breakfast.

...3/-

- [ix] His success was down to him being in the right place at the right time.
- [x] The memory brought a tear to her eyes.
- [xi] Don't make her angry or she will tear you to bits with her words.
- [xii] Why don't you just tear the package open?

[16 markah]

- [b] Terjemahkan ayat [i], [iv] dan [viii] ke bahasa Malaysia.

[9 markah]

3. Jawab [a] DAN [b].

- [a] Terangkan makna istilah-istilah berikut, dengan memberi contoh yang sesuai:

- [i] *metaphrase*
- [ii] *interlinear translation*
- [iii] *imitation*
- [iv] *transposition*
- [v] *undertranslation*

[15 markah]

- [b] Di Rom, penterjemahan dilakukan daripada bahasa Yunani ke bahasa Latin meskipun orang berbangsa Rom fasih berbahasa Yunani (Bassnett, 1980: 43-45). Bincangkan keadaan ini dengan mengambil kira tujuan penterjemahan dilakukan pada masa tersebut.

[10 markah]

4. Jawab [a], [b] DAN [c].

- [a] Bincangkan perbezaan antara teori terjemahan sebelum abad ke-20 dengan teori terjemahan yang muncul pada pertengahan abad ke-20.

[10 markah]

- [b] "A religion as text-based as Christianity presented the translator with a mission that encompassed both aesthetic and evangelistic criteria" (Bassnett, 1991: 45).

Bincangkan pernyataan di atas tentang penterjemahan kitab Injil.

[5 markah]

- [c] Bezakan antara teori terjemahan yang dikemukakan oleh Chapman dan teori terjemahan yang dikemukakan oleh Cowley pada abad ke-17.

[10 markah]

5. Jawab [a] DAN [b].

- [a] "[T]here are fundamentally two different types of equivalence: one which may be called formal and another which is primarily dynamic" (Nida, 1964:159).

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan konsep persamaan dalam terjemahan serta kaedah-kaedah terjemahan yang disarankan oleh penulis.

[10 markah]

- [b] Terjemahkan petikan di bawah ke bahasa Malaysia dengan menggunakan kedua-dua kaedah yang dibincangkan di atas.

I sent a message to the fish:
I told them "This is what I wish."

The little fishes of the sea,
They sent an answer back to me.

The little fishes' answer was
"We cannot do it, Sir, because..."

Sumber: <http://www.sabian.org/Alice/lgchap06.htm>

[15 markah]